

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN
MOHD AKIN [BUKIT KATIL]**

TARIKH : 27 MEI 2015 (RABU)

SOALAN :

Tuan Shamsul Iskandar minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengapakah Deposit Tambahan sebanyak RM50 ke RM100 dibenarkan kepada pemegang akaun Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) mulai Mac 2015 berdasarkan arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) 2014, satu peraturan yang digubal di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, telah dikuatkuasakan mulai 1 Februari 2014. Peraturan ini diwujudkan untuk menyeragamkan bayaran deposit, fi dan caj perkhidmatan air di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehubungan itu, semua operator air termasuk Syarikat Air Melaka Berhad dibenarkan untuk menyemak semula dan mengenakan deposit tambahan ke atas akaun pengguna mengikut jadual yang ditetapkan dalam Peraturan ini. Untuk Syarikat Air Melaka Berhad seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, bayaran deposit baharu antara RM50 hingga RM100 bagi akaun pengguna domestik adalah selaras dengan Peraturan ini.
